

BAB DUA

2.0 Pengenalan Awal Pascamodenisme

2.1 Modenism (Zaman Pra-Pascamoden)

Oxford English Dictionary Supplement dalam menghuraikan definisi modernisme sebagai salah satu daripada sifat pascamodenisme, seterusnya menjelaskan bahawa modenisme dan pascamodenisme tidak boleh dinyatakan sebagai dua fenomena yang sama kerana modenisme lebih dirujukan kepada tarikh awal kemunculannya dan nilai-nilai pembawaannya yang bertentangan dengan nilai-nilai tradisional bahkan ia lebih bercirikan elit. Manakala pascamodenisme lebih ditonjolkan dengan imej yang menentang ciri-ciri modenisme dan menimbulkan konflik-konflik terhadap modenisme khususnya dalam keseniaan dan senibina. Sikap pascamodenisme ini selalu dilabelkan sebagai nilai negatif (iaitu menentang modenisme). Sehubungan dengan ini Koehler menjelaskan nilai negatif juga boleh dilabelkan kepada modenisme kerana menentang nilai-nilai yang terdahulu darinya.⁸

Perkataan '*modern*' telah diterjemahkan sebagai satu keadaan yang membawa kepada pendidikan barat, teknologi dan industri, idea-idea berhubung dengan demokrasi dan kewujudan kerajaan yang boleh diperbincangkan. Ini termasuklah negara-negara yang bergantung dengan kuasa dan pengaruh komunis ketika itu seperti Moscow. Modernisme pula dimaksudkan kepada pengambilan idea-idea sekularisme, sosialisme, kewujudan suasana elit dan perindustrian yang dikawal oleh kerajaan negeri⁹.

Pada tahun 1960an, para ahli-ahli ekonomi dari negara-negara kuasa besar dunia telah mempengaruhi pemimpin-pemimpin negara Islam dengan teori dan praktik ekonomi mereka, contohnya ekonomi Harvard di Pakistan dan Moscow di Mesir. Sokongan padu dan jaminan keselamatan dari kuasa-kuasa besar ini telah menjadikan negara-negara Islam tersebut begitu berpengaruh, contohnya negara Pakistan dengan Amerika Syarikat dan Jamal Abdel Nasir di negara Mesir dengan Soviet Union.¹⁰ Jelasnya istilah '*modern*' yang cuba disampaikan adalah satu bentuk gerakan baru dalam keseniaan dan penolakan terhadap penerimaan nilai-nilai tradisional.

Sedikit kelainan yang dikemukakan oleh Jencks dalam bukunya *Post-Modernisme: The New Classicism in Art and Architecture* bahawa pascamodenisme tidaklah semata-mata wujud secara dekonstruksi, tetapi ia juga bersifat '*double coding*' dengan nilai-nilai lain. Baginya pascamodenisme juga mempunyai nilai-nilai positif. Sepertimana yang telah dijelaskan olehnya;

*'Contrary to common belief, post-Modernism is neither anti-Modernist nor reactionary. It accepts the discoveries of the twentieth century-those of Freud, Einstein and Henry Ford – and the fact that two world wars and mass culture are now integral parts of our world picture, but doesn't make from this an entire ideology. In short, as its name implies, it acknowledges the debt to Modernism but transcends the movement by synthesising it with other concerns.'*¹¹ (Jencks, 1987)

Sifat '*double coding*' pascamodenisme dapat dilihat dalam kesenian senibinanya di mana ciri-ciri khususnya terserlah di samping ciri-ciri modenisme yang telah sedia ada. Penyerahan kedua-dua ciri ini telah

memantapkan lagi keseniaan yang wujud. Oleh kerana itu adalah kurang tepat untuk dikatakan bahawa pascamodernisme bersifat menentang modernisme.

Untuk melihat latar belakang pascamodenisme dengan lebih jelas, sebaiknya ia ditinjau secara urutan dan perbandingan dengan kemunculan modenisme selangkah lebih awal daripada pascamodenisme, kerana ia merupakan asas dan penyubur kelahiran pascamoden. Secara ringkas dapat dikatakan bahawa awal kemunculan modenisme dapat dikesan di sekitar abad ke 17, selepas perjanjian Westphalia ditandatangani yang menamatkan peperangan selama tiga puluh tahun. Kesan dari perjanjian ini unsur kebebasan agama mula terserlah dalam mengatur kehidupan. Contohnya dalam undang-undang peperangan, sistem perikatan antara negara-negara Eropah dan perhubungan dan undang-undang antarabangsa.¹²

Perkembangan ini telah berterusan ke abad ke lapan belas yang dikenali sebagai Zaman Kesedaran (*Enlightenment*).¹³ Di zaman ini perjuangan untuk melakukan perubahan nilai-nilai, amalan politik, sosio ekonomi dan agama dilakukan secara radikal dan revolusi. Perubahan drastik ini dianggap satu pemodenan dan kemajuan. Antara tokoh terkenal ketika ini ialah Karl Marx yang telah melancarkan gerakan ‘enlightenment’ dengan mendokong rasionalisme dan begitu meyakini dengan nilai kebebasan dan kebolehan manusia.

Terdahulu, segala bentuk nilai dan urusan kehidupan berasaskan kepada agama dan '*encient regime*'. Di Zaman Kesedaran ia telah ditukar secara total kepada nilai sekular. Sekularisma yang diperjuangkan telah menjadi realiti sebenar dalam kehidupan khususnya selepas berlakunya Revolusi Perancis pada tahun 1789M. Kebebasan total dan demokrasi liberal telah dianggap moden telah menjadi sandaran hidup barat sehingga hari ini. Jelasnya peringkat awal sejarah moden telah menyaksikan satu kekosongan dan kekeringan dalam roh kehidupan dunia barat apabila segala bentuk ilmu pengetahuan dan nilai kehidupan yang bersandarkan kepada penilaian dan pengawalan agama telah dihapuskan oleh golongan modenisme.

Akibat dari keangkuhan dan keegoan pandangan dan sikap agama masyarakat barat ini telah menjadikan mereka sibuk untuk mencari alternatif baru sebagai pengganti kepada nilai agama yang telah sekian lama mendasari kehidupan mereka bagi mencorak kehidupan baru mereka yang dikatakan moden. Lantaran itu muncullah berbagai-bagai metod dan kaedah ilmu seperti pendekatan empirikal, logik, rasional dan saintifik yang sesuai dengan konsep sekular yang kini menjadi asas ilmu pengetahuan dan kehidupan mereka. Pemikiran moden juga bersifat positivistik yang mengagungkan keupayaan pemikiran yang rasional dan kebolehan manusia.

2.2 Pemikiran Modernisme

Jika dilihat secara terperinci, berbagai kamus telah memberikan definisi modernisme, antaranya ialah kamus *Oxford English Dictionary* menjelaskan bahawa berbagai istilah telah digunakan untuk menyatakan modernisme, contohnya, ‘*modern view(s)*’ atau ‘*modern method(s)*’. Umumnya modernism juga dikatakan sebagai

‘especially tendency in matters of religious belief to subordinate tradition to harmony with modern thought. Modernism has come to mean the most recent phase of world history marked by belief in science, planning, secularism and progress.’
¹⁴(*Akhabr S. Ahmad, 1992*)

Berkaitan dengan perkara ini, mereka mempunyai beberapa sikap dan pandangan asas terhadap kewujudan Tuhan.¹⁵ Antaranya mereka berpendapat bahawa Tuhan atau Realiti Hakiki dipercayai tidak wujud. Malah bagi golongan yang mempercayainya juga diselimuti perasaan keraguan terhadap kewujudannya. Seterusnya kewujudan alam semesta dikatakan tidak ada kaitan dengan kewujudan Tuhan, malah ia dikatakan berlaku secara semula jadi, mekanistik, sistematik dan memiliki undang-undang dan peraturannya tersendiri (*Newtonian Universe*). Mereka juga begitu meyakini akal rasional dan pancaindera manusia yang dikatakan dapat memahami fenomena alam semesta secara *autonomous*.

Ekoran dari sikap dan pandangan yang penuh dengan sifat angkuh ini telah meyakinkan mereka bahawa manusia tidak perlu bergantung kepada

mana-mana kuasa yang dianggap tertinggi dalam penciptaan alam ini untuk membantu bagi mengkaji dan mengenali alam semesta yang penuh dengan kejadian-kejadian misteri. Kelangsungan sikap dan budaya golongan modenis ini telah mencetuskan satu fenomena budaya hidup yang dikenali sebagai modeniti. Kelahiran modeniti ini juga ditemui ketika tercetusnya Revolusi Perancis. Di zaman ini dikatakan berbagai penemuan sains yang menakjubkan telah ditemui. Ketika itu ‘*modern*’ begitu sinonim dengan sains, keangkuhan manusia dengan kejayaan dunia sainsnya menjadikan mereka leka dan lupa kepada Tuhan yang Esa.

Huston Smith dalam kertas kerjanya yang bertajuk “*Postmodernism and The World Religions*”¹⁶ menjelaskan bahawa dari kacamata golongan tradisional, melihat cara dan tujuan hidup manusia melalui prinsip dan doktrin agama memberikan satu pandangan hidup yang mutlak tentang kebenaran. Manakala modenisma pula lahir apabila sumber baru sains iaitu metod saintifik ditemui . Melalui metod saintifik ini berbagai hipotesis terhadap alam ini dicipta berdasarkan eksperimen-eksperimen yang dijalankan dan mendemonstrasikan sebagai penemuan-penemuan saintifik. Seterusnya penemuan-penemuan ini telah memberi kuasa kepada barat untuk merubah dunia mengikut selera citarasa sains yang telah tersimpang jauh dari pengawalan agama. Bentuk sains yang sebeginilah yang telah menjana minda golongan modenisma.

Ketakjuban pada sains tidak mewujudkan ruang kepada modenis untuk menghampiri dan mempercayai Tuhan. Akhirnya kewujudan Tuhan

turut dipertikaikan oleh mereka. Yang jelas akibat dari kegilaan sains yang ditemui, mereka begitu ghairah meneroka alam sains dengan mencari kepuasan diri tanpa memperdulikan kesan sebaliknya kepada makhluk lain . Tanpa disedari telah berlaku perlanggaran batas-batas penerokaan ilmu sains oleh manusia yang terbatas akal fikiranya. Akibatnya telah berlaku gejala negatif dalam kehidupan manusia. Umpamanya pemujaan pada dunia sains telah menjadikan sains untuk sains atau saintism yang telah mengenepikan nilai-nilai kemanusiaan, sebaliknya kepuasan sains yang didahulukan. Kesan langsung dari sikap ini wujudlah satu wadah yang menjadikan manusia sebagai medan ujian senjata-senjata nuklear, kimia, biologi dan sebagainya.

Secara jelas dapat difahami bahawa modenisme seolah-olah merupakan satu pemberontakan radikal melawan kewujudan Tuhan dan agama. Pemberontakan ini telah menghasilkan gerakan Renaissance di Eropah. Hasil dari gerakan ini tercetuslah pelbagai bentuk pemikiran dan falsafah hidup manusia. Antaranya ialah falsafah Machiavelli yang berbunyi “matlamat menghalalkan cara” benar-benar telah melepasbebasan hawa nafsu manusia.

Falsafah Machiavelli ini bukan sahaja menyelimiuti penduduk Eropah ketika itu malah ia turut berkembang ke negara-negara Asia dan Afrika dan telah menyumbangkan kejayaan besar kepada pelupornya, di mana pemimpin setiap negara tersebut dengan bangganya menjadi penyokong dan menjulang medernisme. Ketika itu setiap bangsa yang mendokong ideologi modenisme

dianggap sebagai bangsa yang maju, manakala bangsa yang menolak modernisme dikatakan mundur dan terkebelakang.

Kemunculan modenisme telah diiringi oleh kemunculan pelbagai bentuk pemikiran lain seperti komunisme, sosialisme, kapitalisme, pragmatisme dan isme-isme lain yang pada dasarnya tetap sama walaupun berbeza dari sudut cabangnya. Umumnya pemikiran modenisme menolak kehidupan beragama dan kehidupan hari akhirat. Matlamat utama aliran ini adalah untuk mengejar kesenangan duniaawi, pengabaian moral dan menolak tanggungjawab manusia terhadap Tuhan.

2.3 Beberapa Bentuk Falsafah Modenism

Jorge Larraín, dalam bukunya yang bertajuk “*Ideology and Culture Identity*”¹⁷ (Jorge Larraín, 1994) menjelaskan bahawa salah satu daripada karektor falsafah modenisme ialah menjadikan manusia sebagai pusat (centre) dunia. Manusia juga dikatakan sebagai pengukur atau ‘master’ kepada segala benda yang wujud di alam maya ini, di samping menjadi tempat rujukan terhadap segala sesuatu yang berlaku. Walaupun falsafah ini kelihatan abstrak dan bersifat individu, namun ia tetap menjadi satu perkara yang amat penting. Rumusan dari falsafah yang dibentuk ini, golongan modenis menjelaskan bahawa setiap individu yang dilahirkan di dunia ini memiliki keistimewaan dan potensi diri sendiri yang dapat membentuk dan menentuarkan manusia tersebut mengikut acuan dan potensi diri yang sedia ada.

Ekoran dari kewujudan potensi diri kepada setiap subjek, maka Decartes telah bersungguh-sungguh berhujah mengatakan bahawa apabila setiap orang itu berfikir tentang kepastian sesuatu perkara, maka tiada kemustahilan padanya dan itulah yang dikatakan sebagai *cogito ergo sum*.¹⁸ Sepertimana Decartes, John Locke juga turut membicarakan tentang diri subjek (manusia). Sedikit kelainan yang dibawa oleh Locke ialah ia membicarakan disebalik diri tersebut iaitu diri dilihat dari sudut metafiziknya kerana identiti moral subjek ada hubungan dengan metafiziknya. Baginya personal identiti seseorang individu itu bergantung dengan kekutan memorinya terhadap perkara-perkara yang lalu. Larrain menjelaskan bahawa:

*'that conscious thinking thing...which is sensible or conscious of pleasure and pain, capable of happiness or misery, and so is concerned for itself as far as that consciousness extends.'*¹⁹ (Jorge Larrain, 1994)

Seterusnya Locke menegaskan bahawa ketika dilahirkan, akal manusia umpama kertas putih yang bersih tanpa mempunyai sebarang tanda. Kerana itulah ia tidak mempunyai sebarang idea dan bersifat kosong. Hanya melalui pengalaman hidup individu tersebut, akal mendapat idea. Jelasnya pengalamannya yang menjadi landasan pengetahuan kepada seseorang bukannya akal secara mutlak.²⁰ Di samping pengalaman, penginderaan dan refleksi juga dikatakan berfungsi untuk membekalkan pengetahuan yang dikelaskan sebagai pengetahuan sederhana.

Seterusnya dalam membicarakan diri manusia sebagai subjek, Kant, seorang lagi tokoh modenisme mengatakan subjek lebih bersifat abstrak dan

'transcendental'. Oleh itu ia dikatakan lebih konkrit "*subject becomes consciousness in itself*". Bagi Kant, subjek dimiliki oleh dua alam iaitu alam fenomena (*nature*) dan alam nomena (*the intelligible*). Bagi alam fenomena (*nature*) Kant menjelaskan bahawa manusia lebih bebas menentukan pendirianya bagi membolehkan ia menghasilkan buah fikiran untuk merubah sesuatu keadaan.²¹

Auguste Comte (1789-1857), merupakan seorang sejarawan Perancis yang terkenal dengan falsafah positivisme telah menyangkal segala hujah yang berdasarkan agama. Sebaliknya begitu mendewakan segala huraihan tentang alam ini yang dikaitkan dengan fenomena alam. Lantaran itu pendewaan terhadap akal fikiran diutamakan dan secara langsung telah menafikan peranan agama dalam kehidupan. Comte juga menekankan kepentingan sejarah dalam perkembangan kehidupan manusia. Oleh itu bila membicarakan manusia, Comte tidak menolak betapa sejarah memainkan peranan penting dalam mengatur perkembangan hidup. Beliau menjelaskan :

'Dalam peringkat teologi akal manusia itu.....melihat fenomena sebagai hasil yang langsung daripada tindakan yang berterusan daripada pelbagai kuasa ghaib, yang campur tangan mereka dengan cara sewenang-wenang menjelaskan segala keanehan yang berlaku dalam alam semestadalam peringkat metafizik, kuasa ghaib itu digantikan oleh kuasa mujarad...(dan) fenomena itu diterangkan dengan memberikan entitinya yang selaras dengan fenomena itu..... melalui gabungan taakul dan pengamatanya, hanya membataskan diri terhadap usaha mendapatkan hukum-hukum yang sebenar yang mengawal rentetan dan persamaan fenomena.'²²(Mohd Yusof Ibrahim,1991)

Pendewaan kepada akal fikiran dan pembebasan dari ikatan keagamaan, menjadikan modenisme seolah-olah mencipta berbagai budaya kehidupan. Antaranya ialah budaya yang merenggangkan ikatan kekeluargaan serta kehidupan rumah tangga. K.Marx yang merupakan di antara pengasas budaya ini menjelaskan bahawa masyarakat manusia hanya hidup di bawah dua sistem ikatan kemasyarakatan iaitu kelas pemilik dan kelas proletariat. Wujudnya dua kelas ini bermakna terhapuslah ikatan sosial yang lain termasuk sistem kekeluargaan. Berlandaskan industrialisasi, urbanisasi dan emansipasi wanita, segala apa yang dicitakan oleh Marx akan terlaksana. Pemikiran ini telah dimuatkan dalam bukunya “*Communist Manifesto*”(1847)²³ yang menganjurkan penghapusan ikatan sosial dalam masyarakat. Dipetik daripada Sindhunata (1993), Marx dan Engels dalam ‘*Manifesto of Communist Party*’ (tanpa tarikh) menjelaskan;

'Sejarah umat manusia bukannya sejarah negarawan, melainkan sejarah manusia yang berproduksi dalam masyarakat yang berkelas. Maka sejarah manusia dibentuk dengan jatuh bangunnya perjuangan kelas. Khusus dalam zaman Kapitalisme, kelas-kelas dalam masyarakat berkelompok hanya dalam dua kutub, yakni kelas pemilik dan kelas proletariat. Kelas proletariat akan mengadakan revolusi yang menghancurkan seluruh susunan . Revolusi itu akan mematahkan hubungan produksi lima serentak pula cara berfikir lama, dengan cara paling radikal. Itulah yang diajarkan oleh Marx dalam manifesto Komunis.'²⁴(Sindhunata,1993)

Ekoran dari ajaran Marx ini, dan jika dilihat dalam aspek keluarga, si ayah begitu sibuk mengejar kemewahan, si ibu lupa dengan peranannya dalam rumah tangga, akibatnya si anak tenggelam timbul dalam kemerlutan kehidupan

yang rumit. Justru itu golongan tua dianggap sesuatu yang membosankan dan tiada keuntungan. Lantaran itu rata-rata dapat dilihat anak-anak tanpa belas ihsan akan mengahantar ibu bapa mereka yang telah tua yang dianggap mengganggu kehidupan mereka ke rumah penjagaan orang-orang tua.

Di dalam buku yang sama, Marx menjelaskan perkembangan manusia tidak dapat dipisahkan dengan perkembangan sejarah yang berterusan selagi mana sentiasa ada pertentangan kelas dan perebutan di antara golongan kaya dan miskin, hamba dan manusia bebas, tuan tanah dan pekerja, pekerja dan majikan dalam usaha untuk menguasai sumber dan cara pengeluaran ekonomi.²⁵ Ringkasnya sejarah perkembangan manusia tidak akan sunyi selagi masih wujud golongan yang menindas dan yang tertindas. Manakala pertarungan kelas manusia pula tidak akan lupus selagi mana ekonomi sentiasa menjadi faktor asas setiap perkara.

Seterusnya dalam gerakan modenisme juga telah muncul gerakan emansipasi wanita. Segala perjuangan gerakan ini cuba membebaskan diri wanita dari tradisinya sebagai ibu, dan isteri. Sebaliknya apa yang dituntut melebihi batas keupayaan wanita dan selari dengan keupayaan lelaki. Akibatnya berlaku banyak kepincangan dalam kehidupan, umpamanya hilang rasa hormat dan tanggungjawab isteri terhadap rumah tangganya, berlaku pergaulan bebas yang berakhir dengan fenomena '*free sex*' dan hilangnya tanggungjawab anak-anak terhadap orang tua. Seperkara lagi yang jelas kelihatan kekurangan dalam modenisme ialah sikap dan pandangan terhadap kehidupan manusia.

Mariam Jameelah²⁶, salah seorang aktivis Islam, dengan tegasnya menyatakan di dalam bukunya yang bertajuk ‘Islam dan Modernisme’, bahawa semua ideologi modernisme menolak nilai-nilai murni dan kebenaran. Mereka menganggap bahawa nilai-nilai moral serta kebenaran adalah suatu yang relatif, terbatas pada batas waktu dan ruang serta keadaan. Golongan ini memandang masyarakat yang menyandarkan hidupnya pada wahyu adalah pasif dan mundur. Nilai terbaik menurut kacamata golongan ini ialah nilai yang memandang sepi pada peranan agama dan Tuhan, malah segala corak kehidupan dilandaskan kepada rasional akal fikiran semata-mata.²⁷

Dalam projek moderniti, satu set falsafah telah dikumpulkan dan dijadikan teras perjuangannya. Habermas menjelaskan dalam teras ini subjektiviti telah menjadi pusatnya (center) dan ia menjadi landasan kepada empat nilai dasar modernism iaitu individualisme, the right to criticize, autonomy of action and idealistic philosophy. Kesemuanya ini berfungsi sebagai *"ultimate self-understanding of modernity"*²⁸ Seterusnya Habermas menambah, wujud lagi nilai-nilai tamabahan sebagai pendokong kepada kefahaman dan kesedaran diri terhadap projek modernisme khususnya dalam bidang intelektual.

Within this horizon of Western reason the rational content of the project of modernity was constituted by self-consciousness, authentic self-realization and self determination in solidarity. The rationality is subject centered.²⁹(dipetik dari Eliot Deutsch:23)

2.4 Latar Belakang Kemunculan Pascamodenisme

Pemikiran pascamoden adalah satu fenomena baru yang muncul dalam lingkungan tiga atau empat dekad kebelakangan ini di barat. Walau bagaimana pun ia tidak melibatkan keseluruhan umat barat untuk menganuti bentuk fahaman ini. Ia dikatakan bertanggungjawab melahirkan satu bentuk budaya pascamodeniti ekoran daripda rasa tidak puas hati terhadap modernisme yang berkembang selepas Zaman Pertengahan, iaitu melalui zaman Renaissance seterusnya ke zaman pencerahan (*enlightenment*) dan masuk ke abad dua puluhan. Dikatakan pada awalnya modernisme telah diagung-agungkan sebagai pembebas manusia dari belenggu mitos yang diibaratkan sebagai penindas manusia, kini terbukti telah gagal mencapai misinya. Sebaliknya tanpa disedari modenisme pula yang membelenggu manusia dengan mitos-mitosnya yang tersendiri dan seterusnya menindas dan memperbudakkan manusia.

Ketika berada dalam masa kemuncak zaman pencerahan, iaitu sekitar abad ke 18, manusia telah disogokkan dengan kepercayaan bahawa akal fikiran dan sains dapat membawa manusia kepada kemajuan, kebenaran dan mampu menyelesaikan sebarang masalah. Sepertimana yang dijelaskan oleh Thomas Kuhn "*the unit of scientific achievement is the solved problem,*" dan Larry Laudan pula menulis *Science is essentially a problem solving activity.*³⁰

Jelas di sini menunjukkan bahawa kewibawaan Tuhan dan kitab suci yang terdahulunya (abad pertengahan sekitar abad ke 11 - ke 15) menjadi

kuasa tertinggi sebagai sumber kebenaran, nilai dan norma telah ditentang. Ketika itu muncullah berbagai pegangan baru umpamanya manusia adalah tuan atau Tuhan kepada dirinya (humanisme), dari situ muncul pula rasionalisme yang bertanggungjawab melahirkan empirisme. Sintesis keduanya telah berjaya melahirkan satu metod baru yang mendakwa sebagai cara yang betul dan universal untuk melahirkan sains.

Pengetahuan saintifik ini telah bergabung dengan ekonomi yang progressif untuk melahirkan teknologi pasaran moden yang mendasari budaya kehidupan manusia moden. Lantaran itu manusia terus dihadapkan dengan berbagai masalah hasil daripada perkembangan dunia yang berada dalam kepompong modenisme. Contohnya masalah penipisan ozon, konsumerisme, gaya hidup materialisme, disintegrasi kehidupan berperibadi (individu dan masyarakat) dan pelbagai bentuk masalah lain yang terus menekan manusia untuk terus bekerja dan berfikir bagi mengatasinya.

Dengan demikian tepatlah dikatakan bahawa modenisme adalah satu tahap dan corak kebudayaan manusia yang dihayati dengan kepercayaan kepada sains, perencanaan, sekularisme dan kemajuan. Melalui ilmu sains, modenisme bercita-cita untuk menakluki dunia, mengatur dan menyusunnya mengikut kehendak dan keinginanya. Melalui sekularisme pula modenisme telah membentuk satu orientasi mengubah sistem kepercayaan kepada tuhan dan urusan akhirat kepada urusan keduniaan dan kebendaan semata-mata. Melalui kepesatan kemajuan dipercayai bahawa masa depan seseorang itu tetap ada dan akan memperolehi sesuatu yang lebih baik.

Keangkuhan dan kekaburuan misi modenisme ini akhirnya telah membawa manusia untuk mempersoal kembali asumsi-asumsi yang telah dicanangkan oleh modenisme dan sekali gus telah melahirkan rasa sangsi dan bosan manusia terhadap modenisme, yang seterusnya membawa mereka untuk mencari alternatif baru bagi mengantikanya. Justru itu lahirlah pascamodenisme yang lantang menyuarakan kritikan dan penyangkalan terhadap projek modenisme. Bagi mereka projek modenisme ternyata telah sampai ke jalan-jalan buntu dan penuh dengan kekecewaan. Siri peperangan dunia pertama dan kedua telah mengikis terus keyakinan manusia terhadap kedamaian hidup dan kemajuan yang dicanang oleh modenisme.

Krisis budaya dan moral terus mengancam ketertiban penyusunan masyarakat, mengikis segala nilai dan norma kehidupan. Kehidupan manusia lebih bersifat individualistik, penuh dengan keegoan dan kekejaman. Semuanya ini adalah bukti yang kukuh buat pascamodenisme untuk menyatakan bahawa modenisme telah gagal dalam misinya. Awal misinya, modenisme telah bergantung kepada totalitarian, seperti negara bangsa, pasar bebas kapitalisme serta mempertuhankan sains dan teknologi. Ketiga-tiga sistem ini telah menjadi satu naratif besar yang menjadi sumber rujukan yang bebas nilai, nutral dan sesuai dalam kelompok kehidupan manusia. Bagi pascamodenisme, naratif-naratif besar ini dikatakan sebagai penindasan manusia dan telah didekontruksikan agar segala kelemahanya dapat disaksikan oleh umum.

Sukar untuk menentukan tarikh tepat kemunculan pascamodenisme. Berbagai pendapat dan telahan telah diluahkan berhubung dengan perkara ini. Michael Koehler dalam pengkajianya, menjelaskan bahawa kemunculan awal pascamodenisme adalah di sekitar tahun 1970an dan tempoh waktu antara 1945 dan 1970 adalah lebih tepat dikenali sebagai era lewat modenism (*late modernism*)³¹. Walaupun wujud pendapat yang mengatakan kemunculannya lebih awal iaitu di antara Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Ke Dua, namun ketegasan yang mengatakan kemunculannya lebih jelas di sekitar tahun 60an dan 70an adalah diperkuuhkan lagi dengan kelahiran tokoh-tokoh atau pemikir-pemikir yang agak fanatik dalam tahun-tahun tersebut. Antara tokoh-tokoh yang dimaksudkan kebanyakannya dari Perancis seperti Jean-Francois Lyotard, Jean Baudrillard, dan Jacques Derrida.

Dalam hasil karyanya yang terkenal *A Study of History* Arnold Toynbee telah mengemukakan satu nota kaki yang menjelaskan bahawa tempoh waktu atau era modenism telah berakhir disekitar satu pertiga abad ke 19. Dalam perkiraan kasar, waktu tersebut ialah di antara 1850 dan 1875. Bagi Arnold Toynbee pascamoden telah muncul dalam abad ke 19 bukan abad ke 20. Tetapi dalam volume 5 *A Study of History*, Toynbee menyatakan tempoh berakhir era modenism ialah pada awal perang dunia pertama iaitu pada tahun 1914-1918. Dan pascamoden pula mula menampakkan dirinya di antara perang dunia pertama dan perang dunia kedua iaitu antara 1918 dan 1939.³² Bagi Toynbee tarikh tepat kemunculanya agar sukar untuk ditentukan, cuma yang dapat diperkatakan tempoh waktu antara kemunculan pascamoden dan berakhirnya era modenism ini dikatakan sebagai

satu tempoh ‘*break*’ yang dikenali sebagai era selepas modenism (*after modernism*).³³

Ekoran dari kenyataan Toynbee ini, Koehler telah mengkritiknya dengan mengatakan bahawa Toynbee beserta rakannya Olson sengaja menimbulkan kekeliruan dengan mengaitkan masa kemunculan pascamoden dalam era modenisme. Malah ketika itu modenisme masih lagi berkembang. Baginya istilah ‘*post-modern*’ yang digunakan oleh Toynbee lebih sesuai dirujukan kepada ‘*post-middle class*’ bukan pascamodenisme.³⁴ Seperkara yang ditekankan oleh Koehler ialah apabila dibuat perbandingan di antara Toynbee dengan pengkaji-pengkaji lain mengenai pascamodenisme dan hubunganya dengan modenisme didapati banyak perkara yang tidak diketahui oleh Toynbee khususnya dua dekad kebelakangan ini termasuklah perkara besar yang berlaku seperti penentangan-penentangan terhadap modenisme dan kemunculan gerakan-gerakan baru dalam modenisme itu sendiri.³⁵

Seterusnya Michael Koehler menjelaskan bahawa terlalu sukar untuk menentukan tarikh awal kemunculan pascamodenisme kerana setiap kali perbaahan dilakukan untuk mencari kepastian mengenainya akan berlaku pertindihan dengan modenisme khususnya dalam memperkatakan tentang tempoh waktu atau ‘*period*’ kedua-duanya kerana awal ‘*period*’ pascamodenisme seringkali dikatakan ketika ‘*period*’ lewat modenisme (*late modenism*).³⁶ Keadaan inilah yang menyebabkan selalu berlaku pertindihan tempoh waktu antara modenisme dan pascamodenisme. Malah pertindihan

waktu ini juga sering membawa kepada pertindihan maksud konsep modenisme dan pascamodenisme.

Koehler menyatakan era modenisme lebih tepat dikatakan bermula dari zaman Renaissance iaitu di sekitar tahun 1500M dan berakhir di sekitar pertengahan abad ke dua puluh (1940an). Tempoh yang panjang ini telah dibahagikan kepada beberapa ‘*period*’ dan gerakan modenisme yang berbeza. Contohnya *Symbolism to Abstractionism, Expressionism, Surrealism* dan berbagai ‘*ism*’ moden lain yang digunakan oleh ahli falsafah. Secara umumnya berdasarkan banyaknya wujud gerakan dalam era modenisme ini Koehler telah menamakan sebagai “*the battle of the ancients and the moderns*”³⁷ yang bermula dari lewat kurun ke tujuh belas.

Berbeza dengan tokoh-tokoh yang dinyatakan di atas, Gianni Vattimo dalam bukunya yang berjodol *'The End Of Modernity'* lebih menekankan soal kewibawaan atau keutuhan sesuatu zaman atau era atau paradigma pemikiran ketika itu berbanding dengan usaha mencari ketepatan waktu sebenar kemunculan pascamoden. Maksudnya bila ia cuba memperkatakan tarikh awal kemunculan pascamoden, beliau lebih awal memfokaskan masa lalu buat modenisme. Berlandaskan kerja-kerja yang dilakukan oleh Heidegger dan Nietzsche, Gianni Vattimo seolah-oleh mendapat satu jawaban berhubung dengan kelahiran pascamodenisme.

Heidegger, dengan berhati-hati pertama kali memperkenalkan perkataan *Verwindung* dalam penulisan falsafahnya, iaitu dalam karyakaryanya yang berjodol *Vortrage and Aufsatze* dan *Identitat und Differenze*. Istilah *Verwindung* dalam kedua-dua penulisanya ini telah membawa maksud *Überwindung* atau *overcoming*.³⁸ Ia lebih jelas membawa maksud yang berbeza dengan yang masa sebelumnya dan ia tidak mempunyai sedikit pun persamaan perasaan (*sense*) dengan apa yang telah berlalu atau yang ditinggalkan.

Dari kedua-dua istilah tersebutlah istilah '*post*' ditemui dalam bidang falsafah, semata-mata untuk menggambarkan masa yang berlalu. Di sinilah lahirnya istilah '*post-modernism*'. Seperti Nietzsche, Heidegger juga memaksudkan masa berlalu itu dirujukkan kepada tidak bernilainya lagi pemikiran modernisme yang mendewakan logisme semata-mata dalam mencari kebenaran. Nietzsche, dalam penulisanya yang berangkaian seperti '*On The Uses and Disadvantages of History of Life*' (1874), *human All Too Human* (1878), *Daybreak* (1881) dan *The Gay Science* (1882), kesemuanya menuju ke arah menihilkan setiap perkara yang diperkatakan dalam era modenisme.

Baginya era modenisme adalah satu era yang dikatakan sebagai *the sick history*³⁹, malah abad ke sembilan belas, padanya dikatakan satu masa yang amat teruk kepada manusia, di mana manusia cuba dihumbangkan ke dalam pola pemikiran modenisme yang sudah usang dan mati. Segala kebenaran melalui penemuan secara logik atau ujikaji dalam era modenisme

cuba dirombak dan dinafikan olehnya pemikir-pemikir pascamoden, termasuk Nietzsche. Lantaran itulah beliau telah banyak menulis dalam buku-bukunya yang menggambarkan segala bentuk kebenaran itu wujud secara semula jadi dan sendiri tanpa memerlukan satu kuasa lain yang dikatakan Tuhan.

Kewujudan kebenaran secara sendiri seolah-olah hampir menyamai dengan apa yang terkandung dalam modenisme. Bezanya kebenaran dalam konteks modenisme boleh ditemui hasil dari ujikaji dan rasional atau logik manusia dan seolah-olah masih wujud sifat ketergantungan kepada yang berkuasa walau pun sekadar nama. Jelasnya zaman modenisme penafian kepada kewujudan Tuhan kurang jelas, sebaliknya mereka fokus kepada penafian peranan Tuhan. Berbeza dengan era pascamodenisme, bukan sekadar peranan itu dinafikan bahkan kewujudan juga dipertikaikan. Oleh kerana itu ramai di antara pemuka-pemuka pascamodenisme lebih gemar menggunakan istilah-istilah yang menggambarkan ketiadaan Tuhan. Contohnya seperti penulisan-penulisan Nietzsche dalam bukunya yang berjodol *'The Gay Science'* lebih menonjolkan Tuhan sebagai *'The Dead of God'*.

2.5 Definisi Pascamoden

Pascamodenisme pada awalnya dilihat sebagai satu perkembangan baru dalam abad ke dua puluh. Berbagai persoalan berhubung dengan definisi aliran ini begitu banyak dikemukakan kepada pengkajinya. Namun untuk menjelaskan maksud yang tepat berhubung dengan definisi pascamoden ini berbagai kesukaran telah timbul. Umpamanya jika ia dikatakan sebagai

postmodernity ia dikatakan sebagai satu gaya hidup yang serba serbi lebih kehadapan berbanding dengan masa lalu. Ia juga dilabelkan sebagai keangkuhan kesusasteraan, konsep falsafah atau satu sikap dan pandangan arkitek.

Berbagai tanggapan terus diberikan kepada ‘*postmodernism*’, umpamanya nilai estetika yang variasi, satu sikap yang bertimbang balas dengan perkembangan globalisasi, atau ia dikatakan satu gaya seni dan fenomena sosial masyarakat Eropah yang hebat dan eksklusif.⁴⁰ Untuk menerangkan maksud pascamodenisme dengan lebih berkesan, Akhbar S. Ahmad dalam bukunya *Postmodernism and Islam* (1992:31)⁴¹ telah mengajak kita untuk membandingkan dengan tempoh waktu yang dikatakan sejarah yang lepas iaitu lebih kurang lima puluh tahun ke belakang. Katanya kehidupan hari ini sudah jauh berbeza dengan keadaan setengah abad yang lepas di mana segala kemudahan dan kecanggihan teknologi hari jauh lebih ke hadapan berbanding dengan era lima puluhan dahulu. Kesimpulanya pascamodenisme tetap sebuah pemikiran yang bertanggungjawab melahirkan berbagai bentuk budaya yang berkaitan.

Hari ini manusia begitu mudah dihubungi di merata dunia hanya dengan keupayaan hujung jari samada melalui mesin faksimili, satelit dan internet. Kecanggihan ini juga telah mendorong kuasa besar dunia seperti Amerika, Britain, Jepun dan Australia untuk berlumba-lumba dalam pengeluaran kuasa dan ekonomi mereka. Hal keadaan ini sahaja telah jauh membezakan antara masa sekarang dengan lima puluh tahun dahulu, apa tahn

A510789454

lagi jika seratus atau dua ratus tahun dahulu?. Sudah pasti banyak perbezaanya dan pastinya ada beza antara tempoh waktu sekarang yang dikatakan pascamoden dengan tempoh dahulu yang dikatakan modenisme.

Untuk menguatkan hujahnya (Akhbar S.Ahmad,1992) telah mengambil petikan pendapat Malcolm Bradbury yang turut mengatakan bahawa makna tarikh kemunculan pascamoden ini tiada yang tepat dan pasti sebaliknya ia memberi pengertian yang berbeza pada individu yang berbeza ;

*'The term twisted and turned as a year went by. The American novelist John Barth used it in two virtually opposite sense in two influential articles, 'The Literature of Exhaustion', written in 1967, at the height of sixties experimentalism, and 'The Literature of replenishment', written in the more sober year of 1979. In the first essay, he saw the dominant influences on fiction as Nabokov and Borges, and suggested that their fictionalist spirit revealed the 'used-upedness' of literary forms, leaving us in an age of quotation, pastiche and parody. In the second, he identified the central figures as Calvino and Marquez, and saw them as representatives of a new spirit in the late twentieth-century writing, which had departed Modernist elitism and become the 'best next thing', drawing on magical realism and fantasy.'*⁴² (Bradbury,1990:8).

Dalam buku *Islam, Globalisation and Postmodernity'* (1994:11)

Akhbar S. Ahmad dan Hasting Donnan memberi definisi yang ada sedikit persamaan dan kelainan dengan bukunya telah dibincangkan di atas. Dalam buku ini mereka menjelaskan bahawa pascamodenisme memang sukar untuk diterangkan maksudnya yang sebenar dan garis sempadanya dengan modenisme juga kabur. Pascamodenisme tidak memberikan kita satu kefahaman yang pasti.

Segala elemen yang dimasukkan dalam definisinya akan menampakkan satu pertentangan nilai di antara '*grand narrative*' dengan pascamoden. Walau bagaimana pun menurut Akhbar S. Ahmad elemen-elemen yang diberikan oleh Fardon dalam penjelasannya mengenai pascamoden seolah-olah menampakkan ada persamaan dan saling bersaingan antara modenisme dan pascamodenisme⁴³.

'The inventory of features assinged to post-modernism includes: self referential discourse, heterodoxy, eclecticism, marginality, death of utopia (read Communism), death of the author, deformation, dysfunction, deconstruction, disintegration, displacement, discontinuity, non-lineal view of history, dispersion, fragmentation, dissemination, rupture, otherness, decentering of the subject, chaos, rhizoma, rebellion, the subject as power, gender/difference/power (probabaly the most positive as a revision of patriarchy), dissolution of semiotics into energetics, auto-proliferation of signifiers, infinite semiosis, cybernatics, pluralism,(read freedom versus totalitarianism), critique of reason, processin of simulacra and representations, dissolution of legitimizing narratives (hermenutics, emancipations of the proletariat, epic of progress, dialectics of the spirit), a new episteme or sign system.' (Akhbar S.Ahmad dan Hastings 1994:11.)

Persamaan dan kesaingan ini menurut Akhbar, lebih menjurus ke arah pasangan (*a pair*) antara modenisme dan pascamodenisme.⁴⁴

'Both term feed off each other and often seem propelled by a binary logic of opposition which sharpens the differentiation between them and the family of terms to which they belong.' (Akhbar S.Ahmad dan Hastings 1994:12.)

Dalam buku Falsafah Kalam Di Era Postmodernisme, M.Amin Abdullah,(1995:96) menjelaskan bahawa wujud kesulitan dalam usaha untuk memberi definisi yang tepat mengenai pascamodenisme. Baginya istilah pascamoden ini telah digunakan dalam berbagai dimensi pengertian dan sukar untuk mengemukakan satu definisi yang tepat dan menyeluruh. Beliau menjelaskan bahawa pada awalnya istilah pascamodenisme ini digunakan dalam bidang senibina⁴⁵.

Selanjutnya beliau menjelaskan jika senibina moden lebih menumpukan kepada bangunan yang menjulang tinggi, mencakar langit seperti yang wujud di kota-kota besar seperti New York dan bandar-bandar besar yang lain, maka senibina pascamoden melengkapkan lagi senibina moden dengan melahirkan variasi seni dan pelbagai gaya, bentuk, corak, hiasan, ukiran dan lakaran hasil dari gabungan keseniaan yang diadunkan dari berbagai sejarah dan masa yang dihiasi di luar dan dalam sesebuah bangunan tersebut.

Dari senibina, pascamodenisme juga telah digunakan dalam bidang sastera, teori sosial, gaya hidup dan falsafah. Arus pemikiran pascamoden ini adalah menentang segala hal yang berbau kemutlakan dan benar, menolak dan menghindari sesuatu sistematik huraiannya, menolak segala bentuk pemecahan persoalan dan skimatik dan seterusnya menggunakan nilai-nilai yang berasal dari berbagai sumber. Sikap ambil mudah pascamoden ini telah menampakkan wajah barunya yang tenggelam timbul dalam berbagai ragam dan gaya . Contohnya antara *Absolutism* dan *Realativism*, antara *Universalism*

dan *Particularism*, antara *Objektivism* dan *Subjektivism*, dan antara *Perenelialism* dan *Historicism*⁴⁶

Pada tahun 1988, dalam satu pembentangan kertas kerja *On Images and Things* Dick Hebdige menjelaskan tiada satu definisi yang tepat malah menjadi sukar untuk memberikan penghujahan mengenai pascamodenisme⁴⁷.

'It becomes more and more difficult as the 1980s wear on to specify exactly what it is that 'postmodernism' is supposed to refer to as the term gets stretched in all directions across different debates, different disciplinary and idiosyncratic boundaries, as different factions seek to make it their own, using it to designate a plethora of incommensurable objects, tendencies, emergencies.' (Dick Hebdige, 1988:3)

Walau bagaimana pun dapat dikatakan bahawa pascamodenisme ini merupakan satu gerakan yang berlandaskan falsafah '*anything goes*'⁴⁸ iaitu satu pandangan yang mengatakan sains itu telah hilang kerasionalanya. Konsep ini diilhamkan oleh Feyerebend dan telah mempengaruhi Lyotard iaitu seorang sarjana Perancis yang begitu ekstrim dengan pascamodenisme. Ekoran dari perkembangan tersebut Francois Lyotard telah menghasilkan satu penulisan yang bertajuk '*The Postmodern Condition, (1984)*'.⁴⁹

Dalam penulisan tersebut wujud tiga karektor utama telah diketengahkan iaitu pertama ialah anti-realistic, permainan bahasa dan ketiga menyang metanaratif. (huraian lanjut dalam bahagian ciri-ciri pascamodenisme) Pengaruh pemikiran Lyotard sangat besar dalam teori-teori pascamoden dan ia dianggap sebagai pengasas kepada dasar-dasar pemikiran

pascamoden. Yang jelas inti pemikiran pascamodenisme adalah menentang segala hal yang berbau kemutlakan ketuhanan dan menghindari suatu huraian yang bersistemik atau pemecahan persoalan yang sederhana dan skimatik serta memanfaatkan nilai-nilai yang berasal dari berbagai aneka ragam sumber.

Madan Sarup dalam bukunya *Post-structuralism and Postmodernism* (Madan Sarup,1993:132) telah menamakan pascamoden sebagai satu pergerakan budaya kapitalis terkini, yang wujud dalam posmodeniti khususnya dalam keseniaan. Beliau menjelaskan antara ciri-ciri keseniaan dalam era pascamoden ialah, hilangnya garis sempadan antara keseniaan dan kehidupan seharian, runtuhnya sistem hiraki dalam masyarakat elit dan golongan budaya popular, maksudnya wujud kepelbagaian gaya artistik dan citarasa di samping berlakunya percampuran nilai. Apa yang mahu disampaikan oleh Madan Sarup ialah berlakunya perubahan dari nilai modenisma kepada nilai pascamoden ini dengan begitu pantas dan manusia terus mempraktiknya samada secara sedar atau pun tidak⁵⁰.

Untuk menjelaskan lagi gambaran pascamodenisme yang mempunyai kepelbagaian dimensi ini, Madan Sarup cuba memaparkan melalui penjelasanya terhadap pendidikan dan ilmu pengetahuan. Baginya pendidikan hari ini lebih menekankan faktor kemahiran dan latihan berbanding dengan soal nilai kemanusiaan yang menjadi asas dalam pendidikan umum. Teknologi yang dicipta dalam dunia sains diumpamakan sebagai suatu ‘game’ kepada manusia yang sentiasa mengutamakan produktif untuk meraih

kemewahan tanpa memberi perhatian kepada keperluan jasmani dan rohani badan.

Lantaran itu dunia sains hari ini dikatakan satu ilmu yang mengajar manusia tentang apa yang akan dilakukanya, ia tidak lagi dikatakan sebagai ilmu yang bersifat naratif, penghayatan dan renungan. Sains dikatakan sesuatu yang bertentangan dengan naratif, malah ia dikatakan lebih baik berbanding naratif. Yang pasti ianya lebih bersifat praktikal dalam semua perkara.⁵¹

Pengambilan sikap dan pandangan oleh Madan Sarup ini hampir sama sepetimana sikap dan pandangan oleh Umberto Eco dalam artikelnya yang berjodol “*The City of Robots*” (Thomas Docherty,1993) . Beliau menyifatkan kemunculan bandar-bandar utama dunia hari ini lebih bersifatkan ‘bandar-bandar hantu’ atau robot. Perumpamaan ini dibuat oleh Eco kerana setiap bandar yang diwujudkan telah dirancangkan fungsinya yang memudahkan manusia untuk menjuruskan diri mereka mengikut kehendak diri mereka. Contohnya bandar Las Vegas, kemunculannya lebih melambangkan bandar tersebut mempunyai kemudahan perjudian dan hiburan. Walau pun ia mempunyai industri dan perumahan rakyat namun fokus utama fungsi bandar tersebut ialah perjudian dan hiburan. Oleh kerana itu apabila sahaja nama Las Vegas disebut seluruh dunia mengenalinya sebagai bandar perjudian dan hiburan.

Nilai-nilai kehidupan di bandar seumpama ini menurut Eco adalah lebih bersifat kepuraan dan peniruan kerana nilai-nilai asli yang lebih harmoni

telah dimusnahkan. Manusia lebih bersifat seperti robot, di mana jiwa dan kehidupan mereka telah diatur mengikut persekitaran yang diwujudkan yang lebih bersifat kebendaan bukan pengutamaan kepada kehendak rohani manusia.⁵² Gambaran kehidupan manusia robot seperti yang dijelaskan oleh Eco sebenarnya telah dirakamkan dalam sebuah filem terkenal iaitu *Modern Times* yang dilakukan oleh Charlie Chaplin. Dalam filem tersebut beliau telah memegang watak sebagai manusia yang asalnya bebas dari segala cengkaman manusia, ikatan emosi, perasaan dan keinginan diri.

Sikap dan perasaan watak utama filem tersebut (Charlie Chaplin) adalah normal apabila ia berdepan dengan apa-apa situasi, contohnya jika ia bertemu ibunya ia akan lahirkan rasa hormat anak kepada ibunya, begitu juga jika ia bertemu dengan orang yang disayanginya ia akan melahirkan rasa cintanya secara normal seperti insan lain yang berkasih sayang. Tetapi apabila ia telah bekerja dalam sebuah kilang yang tugasnya hanyalah memutar sekeru, Charlie Chaplin ternyata berubah sikapnya dari seorang manusia yang normal kepada manusia yang bersifat rajin dan serius dalam bekerja.⁵³ Apabila ia bertemu ibu dan kekasihnya ia seolah-olah tidak berperasaan, malah melihat mereka seumpama sekeru. Dari sudut gaya pertuturnya ia lebih bernada industri, tiada kemanisan insan yang berkasih sayang. Begitu juga apabila beliau melihat butang-butang baju seolah-seolah beliau melihat sekeru untuk diputarkan. Beginilah gambaran manusia robot hasil dari kelahiran budaya moden yang diteruskan dalam era pascamodenisme.

Muhammad ‘Uthman El- Muhammady dalam satu artikelnya yang berjodol “Pascamodenisme dan Islam: Satu Pandangan awal” menjelaskan jika ditinjau dari sudut istilah pascamoden ia telah memberi beberapa implikasi makna. Antaranya ia membawa maksud posmodeniti (*postmodernity*) yang bermakna tanda atau ciri bagi masyarakat kini atau sesebuah organisasi yang sudah mencapai tahap sekarang.⁵⁴ Pascamoden juga turut ditakrifkan sebagai garis yang membezakan di antara nilai-nilai yang wujud di abad ke 19 dan elemen-elemen yang lahir hasil dari pemberontakan terhadap modenism itu sendiri.

Wajah pascamodenisme dapat dilihat dalam kategori yang berbeza. Jika dilihat dari aspek sastera contohnya, ahli sastera di era pscamodenisme dikatakan mengguna kaedah '*self-conscious intertextuality*'.⁵⁵ Kaedah ini menekankan pembicaraan teks penulisan dengan memenuhkannya dengan refleksi atau pemikiran tentang diri sendiri. Dari segi perdagangan pula pascamodenism dilihat sebagai sesuatu yang lahir dari perkembangan kapitalisme konsumen atau kapitalism pengguna yang menjadi sesuatu yang bersifat multinasional dan teknologikal.

Berbeza dengan Muhammad‘Uthman El-Muhammady, Madan Sarup menegaskan ada kelainan makna antara '*postmodernism*' (pascamodenisme) dengan posmodeniti. Baginya pascamodeniti lahir dari perkembangan modeniti yang diaplikasikan dalam realiti kehidupan. Ia lebih bersifat satu budaya hidup. Ia meresap dalam setiap penjuru kehidupan individu dan masyarakat, tersebar secara meluas, bukan sahaja melalui gaya kehidupan

malah melalui bahasa pertuturan. Menurutnya sesetengah pemikir hari ini menganggap pascamodeniti adalah satu gerakan yang menuju ke arah era pos-industri. Manakala pascamoden merupakan satu nama bagi gerakan '*advanced capitalist culture*'⁵⁶.